



Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia
(Department of Labour Peninsular Malaysia)
Aras 3 & 5, Blok Setia Perkasa 3,
Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 Putrajaya

Telefon : 03-8886 5192/5937
Faks : 03-8889 2368
E-mel : jtksm@mohr.gov.my
Website : www.jtksm.mohr.gov.my

SIARAN MEDIA

OPERASI BERSEPADU PASUKAN KHAS PENGUATKUASAAN JTKSM

7 Oktober 2025 | Cameron Highlands - Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Negeri Perak terus komited dalam memastikan pematuhan penuh terhadap undang-undang perburuhan negara menerusi pelaksanaan operasi bersepadu penguatkuasaan khas bagi sektor pembinaan, perkhidmatan dan pertanian di Cameron Highlands, Pahang hari ini.

Operasi Bersepadu Penguatkuasaan khas ini adalah antara mekanisme yang diambil dalam memastikan kebajikan pekerja adalah terjaga, selamat dan kondusif. Operasi ini telah diketuai oleh Puan Betty binti Hasan, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), JTKSM bersama Encik Wan Ismail bin Wan Ibrahim, Pengarah Bahagian Penguatkuasaan, JTKSM dan Encik Mohd Nizar bin Zakaria, Pengarah JTK Negeri Perak.

Operasi ini menunjukkan kerjasama erat antara JTKSM bersama agensi sahabat iaitu Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Kekuatan keseluruhan anggota operasi pada hari ini adalah seramai 80 orang yang terdiri daripada pegawai penguatkuasa JTKSM dan agensi sahabat.

Hasil operasi pada hari ini, sejumlah 14 orang pekerja tempatan dan 63 orang pekerja asing diperiksa dengan latar belakang berbeza. Pekerja asing ini terdiri dari negara sumber seperti Indonesia dan Bangladesh.

Antara kesalahan yang dikesan dibawah akta-akta yang dikuatkuasakan oleh JTKSM adalah Seksyen 24D, Seksyen 24J, Peraturan 4 (2) dan Peraturan 4 (3) dibawah Akta Standard Minimum Perumahan Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446] dimana terdapat penginapan pekerja asing yang tidak mempunyai perakuan dari pihak JTKSM dan penginapan yang disediakan juga bercampuran jantina serta majikan gagal menyediakan keperluan asas bagi penginapan sediada. Kesalahan lain yang ditemui juga adalah pelanggaran dibawah Seksyen 25A, Seksyen 63A dan Peraturan 8 serta Peraturan 9 Akta Kerja 1955 [Akta 265] dan Seksyen 43 Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 [Akta 732]. Majikan membayar gaji secara tunai, majikan gagal memberi notis perniagaan kepada JTK dan tiada kontrak kerja dan tiada penyata gaji diberikan kepada pekerja sediada serta bayaran gaji tidak mengikut kadar gaji minimum sepertimana PGM 2024. Kesemua kesalahan yang dikesan ini akan diambil tindakan dengan membuka kertas siasatan bagi tindakan kompaun dan pendakwaan selaras dengan akta-akta berkaitan.

Selain daripada itu, agensi sahabat juga dapat mengesan kesalahan dibawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969: Seksyen 93 Akta 4 dimana majikan gagal membuat caruman ke atas pekerja sediada. Pihak PDRM turut hadir bagi memastikan keselamatan dan ketenteraman semua pihak yang terlibat semasa operasi ini dijalankan. Manakala, bagi CIDB, Notis N2/2015 dikeluarkan kepada majikan untuk majikan mengemukakan Maklumat Mengenai Industri Pembinaan Seksyen 27 dan Notis N9/2015 iaitu Notis Arahan Hadir, Seksyen 35M [Akta 520].

JTKSM bersama jabatan dan agensi sahabat akan terus mempergiatkan pelaksanaan operasi dan penguatkuasaan selaras perundangan di bawah bidang kuasa yang diperuntukkan. Penguatkuasaan ini amat penting sebagai langkah proaktif kementerian dalam membanteras ketidakpatuhan terhadap mana-mana akta perburuhan. Selain itu, penguatkuasaan ini perlu dilakukan secara konsisten demi memastikan kebajikan para pekerja tempatan mahupun asing dipelihara dan keharmonian perburuhan negara terus diperkasa.

Sekian, terima kasih.

TAMAT

Disediakan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Pejabat Ketua Pengarah